# Maritim Malaysia Labuan lupus minuman keras bernilai RM13,500

N: Agensi Penguatkuasaan Malaysia (Maritim Daerah Maritim Labuan melupuskan minuman elbagai jenama yang dianggarkan bernilai 0 di Tapak Pelupusan lam di sini, Rabu lalu.

rah Maritim Daerah Kapten Maritim Che ld Isa berkata kesemua keras yang dilupuskan rmasuklah barangan yang daripada sebuah feri yang ditahan di perairan Teluk Brunei.

Katanya kesemua minuman keras terbabit dilupuskan selepas Maritim Labuan mendapat kebenaran daripada Mahkamah Majistret pada 25 Ogos lalu di mana semua minuman keras dan feri berkenaan dilucut hak dari pemilik.

Tambahnya feri berkenaan kini sedang dalam proses lelongan.

"Semasa penahanan terbabit, empat kru feri yang terdiri daripada tiga warga tempatan dan seorang warganegara Indonesia bersama minuman keras dipercayai dalam perjalanan daripada Labuan menuju ke Limbang Sarawak.

"Feri terbabit kemudiannya ditahan oleh Bot Ronda Maritim Labuan dalam Operasi Sejahtera di perairan Teluk Brunei," katanya.

Beliau juga menyarankan orang awam agar melaporkan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang maritim di perairan negara ini khususnya di Perairan Labuan.



N keras yang dilupuskan menggunakan jentera berat.

# Maritim Malaysia Labuan lupus minuman keras bernilai RM13,500

LABUAN: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Daerah Maritim Labuan (DM14) melupuskan minuman keras pelbagai jenama yang diseludup dianggarkan bernilai RM13,500 di Tapak Pelupusan Bukit Kalam di sini, Rabu lalu.

Pengarah Maritim Daerah Labuan Kapten Maritim Che Adnan Md Isa berkata kesemua minuman keras yang dilupuskan terbabit termasuklah barangan yang dirampas daripada sebuah feri yang ditahan di perairan Teluk Brunei.

Katanya kesemua minuman keras terbabit dilupuskan selepas Maritim Labuan mendapat kebenaran daripada Mahkamah Majistret pada 25 Ogos lalu di mana semua minuman keras dan feri berkenaan dilucut hak dari pemilik.

Tambahnya feri berkenaan kini sedang dalam proses lelongan.

"Semasa penahanan terbabit, empat kru feri yang terdiri daripada tiga warga tempatan dan seorang warganegara Indonesia bersama minuman keras dipercayai dalam perjalanan daripada Labuan menuju ke Limbang Sarawak.

"Feri terbabit kemudiannya ditahan oleh Bot Ronda Maritim Labuan dalam Operasi Sejahtera di perairan Teluk Brunei," katanya.

Beliau juga menyarankan orang awam agar melaporkan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang maritim di perairan negara ini khususnya di Perairan Labuan.



**MINUMAN keras yang dilupuskan menggunakan jentera berat.**